



(\) HBM/1/1(i)
17 Januari 2012

Semua Yang Arif Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya



Yang Arif,

Pekeliling Hakim Besar Malaya Bil 1 tahun 2012

BAYARAN FI KEPADA PENGAPIT BAGI KES PENGAMBILAN TANAH

Seperti mana Yang Arif sedia maklum, Mahkamah akan melantik dua orang pengapit bagi membantu Mahkamah menentukan amaun pampasan yang wajar dan munasabah dalam kes-kes pengambilan tanah. Perkara ini diperuntukkan di bawah subseksyen 40A(2) Akta Pengambilan Tanah 1960 (**Akta 486**).

2. Berhubung dengan perkara tersebut, terdapat isu yang telah dibawa ke perhatian saya mengenai amalan pembayaran fi kepada pengapit yang dikatakan berbeza-beza di antara mahkamah. Setelah meneliti dan mengkaji masalah tersebut, saya ingin menarik perhatian Yang Arif kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada. Subseksyen 40B(5) dan (6) **Akta 486** menyediakan peruntukan seperti berikut :-

(5) Every assessor who is not a valuation officer employed by the Government shall receive a fee for his service as the Judge shall direct provided that such fee shall not exceed five hundred ringgit a day, or such higher figure the Minister may, with the approval of the National Land Council, by notification in the Gazette prescribe.

(6) The fee of an assessor shall be deemed to be costs in the proceeding.

Jelasnya seseorang hakim hendaklan mengarahkan sejumlah fi dibayar kepada penilai swasta dan jumlah tersebut hendaklah tidak melebihi RM500.00 sehari bagi perkhidmatan yang diberikan. Fi tersebut juga hendaklah dianggap sebagai kos di dalam prosiding.

3. Sehubungan dengan itu, saya ingin menarik perhatian Yang Arif untuk memberi pertimbangan yang wajar kepada persoalan pembayaran fi tersebut. **Pihak Mahkamah tidak sepatutnya menanggung kos untuk membayar fi penilai swasta.** Dalam hal ini, peruntukan subseksyen 36(3) Akta 486 perlulah dirujuk yang mana menggariskan peruntukan seperti mana berikut :-

(3) Without prejudice to the powers of the Court under this Part, the costs of any reference under subsection (2) shall be borne by such person as the Court may direct or, in the absence of such direction, by the Land Administrator.

4. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi Yang Arif mengambil kira semua peruntukan undang-undang yang ada dalam membuat sesuatu keputusan dan sesuatu perintah atau penghakiman yang dikeluarkan hendaklah jelas serta menyeluruh bagi memudahkan pihak yang melaksanakan perintah atau penghakiman tersebut.

Sekian, terima kasih.


TAN SRI DATO' ZULKEFLI BIN AHMAD MAKINUDDIN
Hakim Besar Malaya

Salinan Kepada:

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya